

102  
SOALAN NO.: 358

DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB. DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD  
[PARIT SULONG]

SOALAN :

Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [ Parit Sulong ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian telah melakukan pemantauan secara berkala terhadap kadar pencemaran sumber air dan sungai seperti pencemaran ammonia di negara kita serta bagaimanakah pihak Kementerian menilai Garis Panduan Merawat Air Buangan Najis Ayam dan Pengurusan Sisa Buangan dapat membendung secara lebih efektif kes pencemaran sumber air dan sungai yang terus meningkat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Isu pencemaran ammonia di sungai-sungai di Malaysia adalah kebanyakannya berpunca dari pelepasan efluen kumbahan yang memasuki lembangan utama beberapa sungai di Negeri-negeri di negara kita. Terdapat juga isu peningkatan ammonia akibat dari aktiviti perladangan dan penternakan (diluar bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar) seperti aktiviti pemproses baja tahi ayam, pembajaan di kawasan pertanian dan juga pembukaan kawasan pertanian meluas yang terletak di dalam kawasan tadahan (yang tidak diwartakan); walau pun kawasan terjejas ini terletak di dalam pengurusan dan kawalan sumber air mentah oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.

Bagi kawalan pelepasan efluen dari industri, pihak Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau pelepasan dari punca-punca yang jelas di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar seperti kilang kelapa sawit dan pelepasan kumbahan dari sistem pengolahan kumbahan berpusat di kawasan taman perumahan dan pusat-pusat komersil.

Penguatkuasan dan pemantauan secara berkala ke atas sungai-sungai yang berisiko tinggi tercemar memang dikawal yang meliputi dari semua aspek perancangan penempatan industri, penguatkuasaan berterusan, pengawasan dan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar. Pada masa ini JAS memantau 477 batang sungai diseluruh negara melalui

Sistem Pemantauan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Monitoring Program, EQMP) yang berterusan secara *real time*.

Kementerian ini juga dalam proses untuk mengeluarkan satu Garis Panduan Merawat Air Buangan Najis Ayam dan Pengurusan Sisa Buangan yang mana garis panduan ini akan menyediakan satu konsep iaitu kaedah rawatan asas yang perlu disediakan oleh semua pengusaha aktiviti pemprosesan najis ayam agar di akhir proses rawatan ini air kumbahan yang dikeluarkan akan dapat memenuhi Standard yang ditetapkan dan tidak mengganggu aktiviti-aktiviti hiliran terutama Loji Rawatan Air bagi perbekalan Air Mentah kepada pengguna. Sebelum ini Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan dua Garispanduan berkaitan penternakan iaitu:

- i) Garispanduan Kawalan Pencemaran Daripada Aktiviti Penternakan Lembu Pedaging;
- ii) Garispanduan Kawalan Pencemaran Daripada Aktiviti Penternakan Babi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD  
[ PARIT SULONG ]**

**SOALAN : 359**

**Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian menilai keberkesanan projek rintis sistem eCall iaitu satu sistem yang menghantar isyarat kecemasan daripada kenderaan yang terlibat dengan kemalangan serius bagi mempercepatkan bantuan dan bilakah ianya dijangka akan diguna pakai secara meluas di negara kita.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, eCall Malaysia akan mula dipasang pada beberapa model kenderaan semasa fasa sukarela. Semasa peringkat pemasangan sukarela, MIROS akan berkerjasama dengan pengeluar kenderaan yang berminat untuk berkerjasama secara sukarela bagi memasang *eCall Malaysia Device* (eMD) di dalam model kereta yang terpilih. Sistem eCall Malaysia yang dipasang di dalam kenderaan dipanggil *eCall Malaysia System* (eMS).

Dalam tempoh sukarela ini, setiap data yang akan diterima oleh *Public/Private Safety Answering Point* (PSAP) dari eMS akan disemak dan dipantau. Sebarang isu berbangkit akan disiasat bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan eCall Malaysia.

Selain itu, sistem eCall Malaysia ini akan membolehkan notifikasi secara automatik ke PSAP jika kemalangan serius berlaku. Notifikasi secara automatik berserta lokasi akan memudahkan operasi bantuan kecemasan diberikan kepada mangsa kemalangan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian akan menggunakan kaedah lain seperti ujian pelanggaran dan ujian makmal untuk melihat keberkesanan sistem bagi menambah baik sistem sedia ada.

Data kemalangan yang terkumpul ini akan di analisa bagi menambah baik tahap keselamatan jalan raya di Malaysia seperti pengenalpastian kawasan hitam, pengenalpastian punca kemalangan dan lain-lain. Sistem

ini dijangka boleh diguna pakai secara meluas pada kenderaan model baharu bermula Julai 2019.